

30 MAR 2000

PM MAHU SEMUA TERIMA NASIHAT RAJA-RAJA

JITRA, 30 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir mahu semua pemimpin politik yang menyelewengkan agama Islam menerima nasihat raja-raja untuk menyatu padukan orang Melayu.

Perdana Menteri berkata mereka hendaklah juga menghentikan terus penyelewengan mereka itu.

Golongan yang bertopengkan Islam tidak patut menentang usaha raja-raja itu, kata Dr Mahathir semasa merasmikan mesyuarat Umno Bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra di sini hari ini.

Umno katanya turut memperjuangkan Islam dengan mengutamakan perpaduan.

"Bagaimanapun, golongan yang bertopengkan Islam itu kononnya memperjuangkan Islam tetapi menolak perpaduan," kata Dr Mahathir yang juga Ketua Bahagian Umno Kubang Pasu.

Beliau berkata Umno menyambut baik usaha raja-raja hendak menyatu padukan orang Melayu.

-- BERNAMA

JM LAT